

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**PEPERIKSAAN AKHIR TEORI
SESI I : 2024 / 2025**

SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN

**SPP 30263
MAKROEKONOMI**

Dua (2) jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN UMUM

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **semua** soalan di kedua-dua bahagian.
3. Bahagian A mengandungi **Dua Puluh (20)** soalan aneka pilihan dengan empat pilihan jawapan **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** pilihan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Bahagian B mengandungi **Tiga (3)** soalan subjektif. Tuliskan jawapan anda dalam buku jawapan yang disediakan.
5. Kertas soalan ini hendaklah dikembalikan semula kepada Pengawas setelah tamat peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi **SEPULUH (10)** halaman bercetak termasuk halaman hadapan.

BAHAGIAN A*[40 markah]*Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

1. Apakah takrifan inflasi ? CLO1
T1
 - A Penurunan nilai mata wang negara.
 - B Kenaikan tingkat pengeluaran barang di pasaran.
 - C Kenaikan tingkat harga umum secara berterusan.
 - D Penurunan tingkat harga umum secara berterusan.

2. Antara pernyataan berikut, manakah matlamat utama di dalam makroekonomi? CLO1
T1
 - A Mengurangkan pelaburan.
 - B Mengurangkan pengeluaran.
 - C Mencapai guna tenaga penuh.
 - D Meningkatkan defisit imbalan pembayaran.

3. Apakah definisi penawaran agregat? CLO1
T2
 - A Jumlah permintaan barang dan perkhidmatan.
 - B Jumlah perbelanjaan oleh semua unit ekonomi termasuk pengguna, firma dan kerajaan.
 - C Jumlah keluaran negara benar yang diminta oleh semua sektor ekonomi pada pelbagai tingkat harga umum.
 - D Jumlah output yang dihasilkan oleh negara pada tingkat harga, keupayaan pengeluaran dan kos yang dimiliki.

4. Keluk penawaran agregat beralih ke kanan disebabkan oleh faktor _____ CLO1
T2
 - A peningkatan kos input.
 - B penurunan galakan kerajaan.
 - C peningkatan galakan kerajaan.
 - D penurunan kemahiran dan produktiviti buruh.

5. Harga pasaran adalah _____ CLO1
T3
- A** harga barangan yang belum dipasarkan.
B harga yang belum dicampurkan cukai tak langsung dan belum ditolak subsidi.
C harga barang akhir dan perkhidmatan yang dijual di pasaran yang telah dicampur cukai tak langsung dan ditolak subsidi.
D harga barang akhir dan perkhidmatan yang dinilai mengikut harga yang dibayar oleh pengeluar kepada faktor-faktor pengeluaran.
6. Pendapatan individu merujuk kepada _____ CLO1
T3
- A** pendapatan purata penduduk dalam sesebuah negara pada tahun tertentu.
B jumlah pendapatan yang diterima boleh digunakan untuk perbelanjaan dan tabungan.
C jumlah pendapatan yang diterima oleh semua individu dalam sesebuah negara setelah ditolak cukai pendapatan perseorangan.
D jumlah nilai pendapatan yang diterima oleh semua individu dalam sesebuah negara dalam satu jangka masa tertentu sama ada daripada kegiatan produktif atau tidak produktif.
7. Apakah yang dimaksudkan dengan subsidi? CLO1
T3
- A** Bayaran yang meningkatkan harga pasaran.
B Bayaran cukai eksport, cukai import, dan cukai perkhidmatan.
C Cukai yang dibayar oleh pembayar cukai kepada kerajaan secara tak langsung.
D Bantuan kewangan kepada pengeluar industri muda dan industri utama dalam negara.
8. Di antara berikut, manakah kesan cukai tak langsung kepada harga pasaran? CLO1
T3
- A** Menurunkan harga pasaran.
B Meningkatkan harga pasaran.
C Tiada perubahan harga pasaran.
D Harga pasaran pada tahap minima.

9. Mengapakah pengiraan pendapatan negara menggunakan nilai ditambah adalah penting? CLO1
T3
- A Untuk meningkatkan kadar inflasi.
 - B Untuk mengelakkan pengiraan dua kali.
 - C Untuk mengira KDNK dengan lebih tepat.
 - D Untuk menambah nilai barang perantaraan.
10. Kepentingan mengukur pendapatan per kapita yang **BETUL** dalam menilai taraf hidup rakyat adalah _____ CLO1
T3
- A menentukan kadar inflasi.
 - B menunjukkan nilai barang akhir.
 - C membantu dalam penentuan cukai.
 - D memberikan gambaran tentang kesejahteraan ekonomi individu dalam sesebuah negara.
11. Fungsi wang yang mengatasi masalah memenuhi kehendak serentak dan diterima umum merujuk kepada _____ CLO1
T4
- A alat pertukaran.
 - B alat pengukur nilai.
 - C alat penyimpan nilai.
 - D alat bayaran tertunda.
12. Apakah takrifan bagi matawang digital (kripto)? CLO1
T4
- A Deposit tabungan dan deposit tetap bank perdagangan.
 - B Bentuk wang yang mempunyai nilai intrinsik yang lebih rendah daripada nilai mukanya.
 - C Medium pertukaran dan sebagai komoditi yang boleh didagangkan pada masa yang sama.
 - D Medium pertukaran menggunakan kriptografi untuk menjamin transaksi dan mengawal penciptaan unit tambahan mata wang.

13. Di antara berikut yang manakah **BUKAN** pernyataan tujuan permintaan wang CLO1
untuk urusniaga? T4

- A Firma meminta wang untuk membeli faktor pengeluaran.
- B Isi rumah meminta wang untuk membeli barang dan perkhidmatan.
- C Orang ramai meminta wang bagi spekulasi dalam pasaran saham dan bon.
- D Makin tinggi pendapatan makin tinggi perbelanjaan dan makin tinggi permintaan wang.

14. CLO1
T4

- pendapatan nominal naik
- harga bon dijangka naik
- wujud kemajuan teknologi

Pernyataan di atas merujuk kepada perubahan keluk bagi _____

- A penurunan penawaran wang.
- B penurunan permintaan wang.
- C pertambahan permintaan wang.
- D pertambahan penawaran wang.

15. Belanjawan defisit merujuk kepada _____ CLO1
T5

- A jumlah hasil kerajaan kosong.
- B jumlah hasil kerajaan lebih daripada jumlah perbelanjaan kerajaan.
- C jumlah hasil kerajaan kurang daripada jumlah perbelanjaan kerajaan.
- D jumlah hasil kerajaan adalah bersamaan dengan jumlah perbelanjaan kerajaan.

16. Dasar fiskal budi bicara mengawal masalah ekonomi dengan cara CLO1
_____ T5

- A dasar harga.
- B bayaran pindahan kerajaan.
- C cukai progresif dan cukai sebanding.
- D mengubah cukai dan perbelanjaan kerajaan.

17. Sumber pendapatan kerajaan daripada hasil bukan cukai terdiri daripada CLO1
T5

- _____
- A** duti setem, cukai keuntungan hartanah, cukai tanah, cukai pintu.
 - B** bayaran yang dikenakan ke atas semua koperasi di Malaysia.
 - C** bayaran cukai yang dikenakan pada syarikat sendirian berhad dan syarikat berhad.
 - D** hasil sewa rumah-rumah kerajaan, royalti daripada syarikat petroleum, pendapatan daripada pelaburan, hasil pengeluaran lesen dan permit termasuk bayaran denda.

18. CLO1
T5

- perubahan kadar faedah untuk semua institusi kewangan atas arahan Bank Negara
- pinjaman oleh Bank Negara akan dikenakan faedah
- Bank Negara dapat mengawal kadar faedah yang dikenakan kepada institusi kewangan selaras keperluan bekalan wang
- mendiskaunkan surat-surat berharga dalam peratusan tertentu oleh Bank Negara

Penyataan di atas merujuk kepada _____ di dalam dasar kewangan kuantitatif.

- A** operasi pasaran terbuka
- B** nisbah cadangan minima
- C** simpanan khas / rizab berkanun
- D** mengubah kadar faedah dan kadar diskaun

19. Dasar kewangan ialah tindakan Bank Negara mempengaruhi ekonomi dengan CLO1
mengawal bekalan wang dan mengubah kadar faedah. Pilih instrumen yang T5
BETUL mengenai dasar kewangan kualitatif ?

- A** Pujukan moral
- B** Pembiayaan (*funding*)
- C** Operasi pasaran terbuka
- D** Nisbah cadangan minima

20 Bagaimanakah masalah pengangguran boleh diatasi menggunakan dasar CLO1
fisikal mengembang? T5

- A** Menaikkan kadar cukai.
- B** Menurunkan kadar cukai.
- C** Mengurangkan permintaan agregat.
- D** Mengurangkan perbelanjaan kerajaan.

BAHAGIAN B*[60 markah]*

Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

Soalan 1

- a) Nyatakan **EMPAT (4)** matlamat makroekonomi. CLO1
[4 markah] T1
- b) Huraikan **DUA (2)** jenis inflasi. [4 markah] CLO1
T1
- c) Nyatakan definisi permintaan agregat dan penawaran agregat. CLO1
[4 markah] T2
- d) Jelaskan perubahan bekalan wang dalam mempengaruhi permintaan agregat. CLO1
[4 markah] T2
- e) Huraikan **DUA (2)** faktor yang mempengaruhi pergerakan keluk permintaan agregat. CLO1
T2
[4 markah]

Soalan 2

- a) i) Nyatakan **TIGA (3)** pendekatan pengiraan pendapatan negara. CLO1
[3 markah] T3
- ii) Berikan definisi bagi KDNK, KNK dan KNB. [3 markah]
- b) Huraikan **TIGA (3)** masalah pengiraan pendapatan negara. CLO1
[6 markah] T3
- c) Nyatakan **EMPAT (4)** ciri-ciri wang. CLO1
[4 markah] T4
- d) Jelaskan **DUA (2)** jenis bekalan/penawaran wang. CLO1
[4 markah] T4

Soalan 3

- a) Huraikan **DUA (2)** jenis hasil cukai langsung. CLO1
[4 markah] T5
- b) Terangkan **DUA (2)** jenis hasil cukai tak langsung. CLO1
[4 markah] T5
- c) Jelaskan **DUA (2)** jenis perbelanjaan kerajaan. CLO1
[4 markah] T5
- d) Terangkan **DUA (2)** jenis dasar kewangan. CLO1
[4 markah] T5
- e) Huraikan **DUA (2)** jenis dasar fiskal pemantap automatik. CLO1
[4 markah] T5

SOALAN TAMAT
Selamat Menjawab